

18/07/1999

Ekonomi pulih kerana perpaduan

KUALA LUMPUR: Malaysia berjaya mencapai pemulihan ekonomi kerana rakyat yang berbilang kaum, bersatu padu dan berdisiplin untuk menghadapi krisis itu, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, perpaduan itu mewujudkan kestabilan politik dan sosial yang tidak tergugat serta terbukti kukuh, dan itulah kelebihan Malaysia berbanding negara Asia lain yang turut dilanda krisis ekonomi sejak 1997.

"Kita merasa gembira dan harus bersyukur kegawatan ekonomi negara semakin pulih dan menunjukkan tanda-tanda positif untuk mencapai pertumbuhan semula tahun ini.

"Semua pihak termasuk orang asing yang pada suatu ketika dahulu cuba memburuk-burukkan keadaan ekonomi negara kita dengan pandangan negatif, kini berubah anggapan dan membuat ramalan positif mengenai prospek ekonomi negara," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Agung MCA di Wisma MCA di sini, semalam.

Perhimpunan dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Dr Ling berkata, semangat kerjasama dan sumbangan daripada semua pihak adalah antara faktor penting membolehkan Malaysia mengatasi krisis ekonomi secara berkesan.

Beliau turut mengiktiraf sumbangan Perdana Menteri yang berpandangan jauh, yang disifatkannya sebagai faktor penting untuk menyelamatkan ekonomi daripada diserang dan dikuasai oleh orang asing yang tamak dan berniat jahat.

"Adalah tidak keterlaluan jika kita berkata, Perdana Menteri memainkan peranannya sebagai penyelamat kepada ekonomi negara. Usaha dan pencapaian beliau harus disanjung tinggi dan dihargai semua rakyat," katanya.

Menurut beliau, langkah kerajaan menguatkuasakan kawalan mata wang adalah berani dan tepat, dan hasilnya ekonomi negara dilindungi dan diperkukuhkan sehingga pemulihan tercapai.

Dr Ling berkata, MCA akan terus memberi sokongan sepenuhnya kepada kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri untuk mempertahankan kedaulatan ekonomi negara.

Beliau juga berkata, kempen 'Cintai Malaysia' dan 'Belilah Barangan Malaysia' anjuran Pemuda MCA menerima sokongan yang kukuh daripada semua pihak dan mencapai matlamatnya ke arah menguatkan semangat patriotik dan mempromosikan barangan Malaysia di kalangan rakyat.

Mengenai perpaduan, Dr Ling menegaskan kestabilan parti yang kukuh amat penting untuk menghadapi pilihan raya umum terutamanya ke arah membantu Barisan Nasional (BN) mengulangi kejayaannya yang cemerlang.

"Saya berharap budaya yang sentiasa menguatkan perpaduan dan kestabilan parti ini dikekalkan demi kepentingan negara, rakyat dan parti. Saya yakin semua anggota MCA akan terus bertindak sebagai satu pasukan untuk berkhidmat kepada negara dan rakyat," katanya.

(END)